



KERJASAMA: UMS menandatangani MoU dengan PSI di Universiti Oxford dalam memperkukuh kerjasama antarabangsa dalam penyelidikan ancaman virus baharu di kawasan yang kaya dengan biodiversiti.

PSI Universiti Oxford dan UMS jalin kerjasama

Projek perintis fokus kepada penyakit berjangkit mendatangkan kesan kepada pulau Borneo

UB 17.11.2024 P.08

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Pandemic Sciences Institute (PSI) Universiti Oxford mencatat sejarah selepas mengadakan kerjasama melalui Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani pada bulan ini ke arah melonjakkan penyelidikan, perkongsian ilmu dan inisiatif bersama dalam sains pandemik.

Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. Kasim Mansor berkata, kolaborasi dengan universiti terkemuka dunia itu adalah satu komitmen berterusan yang bertujuan memberi impak jangka panjang terhadap kesihatan awam global.

“Kerjasama ini akan memacu penyelidikan yang tertumpu kepada penyakit berjangkit melalui pendekatan ‘makmal hidup’, dengan penubuhan Makmal Hidup Penyakit Zoonotik dan Bawaan Vektor di UMS.

“Projek perintis ini memfokuskan kepada penyakit berjangkit yang memberi kesan kepada pulau Borneo yang sememangnya kaya dengan biodiversiti di Malaysia,” katanya.

Katanya, melalui kolaborasi ini juga, UMS dan PSI bersedia untuk mengukuhkan asas saintifik bagi kesiapsiagaan pandemik, memupuk penyelidikan inovatif dan membangunkan strategi.

“Usaha ini dalam menangani risiko penyakit berjangkit yang kian berkembang di seluruh dunia seiring dengan moto UMS sebagai peneraju masyarakat berinovatif,” katanya.

Kasim yang menekankan potensi transformatif kerjasama itu berkata, PSI menyambut delegasi UMS dalam satu perbincangan meja bulat sebagai simbolik rasmi pelancaran kerjasama ini pada 8 November lalu.

“Melalui MoU ini, kita membina asas untuk keselamatan kesihatan dengan membawa sumber dan kepakaran global terus ke UMS.

“Kerjasama ini menandakan komitmen universiti terhadap kesihatan awam sebagai tanggungjawab bersama global dan menempatkan Sabah sebagai penyumbang aktif dalam usaha memerangi penyakit berjangkit,” katanya.

Beliau juga menegaskan bahawa menangani penyakit berjangkit adalah kritikal dalam memenuhi agenda kesihatan Sabah serta memajukan misi rantau ini dalam meningkatkan kehidupan dan kesejahteraan sejagat.

Delegasi UMS kemudian dijemput melawat makmal di bawah seliaan Profesor Miles Carroll, yang juga seorang penyelidik PSI dan pakar dalam virus baharu.

Menurut beliau, bekerjasama dengan pakar dari UMS melalui pemantauan serologi dalam komuniti di kawasan yang kaya biodiversiti adalah penting.

“Kini, kita berpeluang untuk mengkaji jejak imunologi yang ditinggalkan oleh virus baru yang boleh menjangkiti manusia dari reservoir haiwan semula jadi.

“Kerjasama baharu ini akan memastikan kedua-dua pihak dapat menjalankan lebih banyak kajian di kawasan luar

bandar dan hutan di Borneo Malaysia dalam memperoleh gambaran alam sekitar yang lebih besar,” katanya.

Kerjasama ini juga akan menyatukan kepakaran PSI dalam sains pandemik dengan komitmen UMS ke arah usaha untuk menubuhkan sebuah institut penyelidikan klinikal bertaraf dunia di Sabah.

Inisiatif bersama ini akan menjadi peluang untuk menerajui pembangunan alat diagnostik yang boleh dipercayai, pantas, dan mudah alih untuk penyakit berjangkit sebagai satu kemajuan kritikal dalam mengurus virus baharu yang muncul.

Di samping itu, kolaborasi antarabangsa ini menekankan kajian ke atas kekayaan biodiversiti Sabah dalam melahirkan generasi baharu saintis bioperubatan yang berkeupayaan menangani cabaran penyakit berjangkit yang kian berkembang.

Impak utama hasil kerjasama ini bakal dilihat melalui kemajuan transformatif dalam memerangi penyakit berjangkit, menandakan peningkatan ketahanan kesihatan serantau dan global.

Majlis menandatangani MoU ini turut dihadiri oleh wakil UMS iaitu Profesor Dr. Rosalam Sarbatly selaku Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Pendaftar UMS, Luqman Ridha Anwar, Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) UMS Datuk Dr. Mohd Yusof Ibrahim serta ahli akademik FPSK Profesor Dr. Kamruddin Ahmed dan Prof. Madya Dr. Fatimah Ahmedy.